

23/04/1997

Ketepikan halangan mental

RAKYAT perlu mengetepikan halangan mental untuk guna komputer kerana pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) menekankan penggunaan produk teknologi maklumat (IT) itu.

Menjawab soalan mengenai golongan berusia 35 tahun ke atas kebanyakannya menghadapi halangan mental ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan ini berpendapat mustahil sebuah mesin boleh mencari dan membentuk sesuatu yang dahulunya tidak boleh dilakukan.

"Oleh kerana halangan mental ini agak sukar bagi mereka untuk percaya komputer boleh membuat bermacam-macam perkara. Ini menjadi masalah. Selagi ada halangan mental kita akan terus takut dengan komputer," katanya.

Justeru, kata Perdana Menteri, "Jika kita tahu ada halangan mental, kita perlu atasi sekatan itu dan dekatkan diri dengan belajar secara perlahan-lahan kerana kalau dibuat berulang kali akhirnya akan pandai juga menggunakan komputer."

(END)